

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

JCORP SERAH ZAKAT PERNIAGAAN RM3.88 JUTA

JOHOR BAHRU, 7 SEPTEMBER 2020: Johor Corporation (JCorp) dan syarikat Kumpulan menyerahkan zakat perniagaan 2019 berjumlah RM3.88 juta kepada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) di sini, hari ini.

Replika cek zakat perniagaan tersebut diserahkan oleh YBhg Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim, Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp kepada YAB Datuk Haji Hasni Mohammad, Menteri Besar Johor merangkap Pengerusi JCorp.

Zakat perniagaan tersebut merangkumi 13 syarikat Kumpulan JCorp termasuk Kulim (Malaysia) Berhad, QSR Brands (M) Holdings Berhad serta syarikat-syarikat Intrapreneur JCorp yang lain.

Penyerahan zakat perniagaan tersebut merupakan satu tanggungjawab korporat yang wajib dilunaskan oleh setiap organisasi perniagaan.

Sememangnya zakat adalah tunjak kestabilan ummah, disamping memacu pelbagai inisiatif pembangunan sosial dan oleh itu Kumpulan Johor Corporation beriltizam untuk terus mempraktikkan dan meningkatkan lagi sumbangan zakat korporat dimasa-masa akan datang.

Pembayaran zakat tersebut diuruskan oleh Capaian Aspirasi Sdn Bhd, sebagai amil zakat korporat yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ).

-Tamat-

Dikeluarkan oleh: Johor Corporation
Keterangan lanjut sila hubungi: Jabatan Komunikasi Strategik.
Tel: 07-219 2692.